

18 NOV 1999

Najib-Berteduh

PILIH KERAJAAN YANG MAMPU JADI TEMPAT BERTEDUH, KATA NAJIB

JITRA, 18 Nov (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan warga pendidikan agar dapat menentukan nasib mereka dengan memilih sebuah kerajaan yang mampu menjadi tempat berteduh dan bernaung.

"Penting bagi mereka untuk menentukan tempat berteduh dan bernaung dengan memilih sebuah kerajaan yang betul-betul prihatin," katanya kepada pemberita selepas bertemu dengan warga pendidikan negeri Kedah di sini.

Beliau berkata kerajaan yang prihatin ialah sebuah kerajaan yang dapat membentuk satu wawasan yang ideal dalam soal arahnya bidang pendidikan negara.

Selain itu, Najib berkata kerajaan itu juga mesti ada komitmen dan kesungguhan untuk memajukan bidang pendidikan serta melonjaknya ke taraf yang lebih tinggi.

"Ketiganya, kerajaan itu mesti prihatin dalam soal kebajikan warga pendidikan, skim perkhidmatan mereka dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional yang memimpin negara ketika ini mampu merealisasikan impian itu berdasarkan rekod cemerlang yang mendapat pengiktirafan UNESCO.

Baru-baru ini, Malaysia telah mendapat pengiktirafan UNESCO apabila memenangi kerusi lembaga eksekutif badan itu dengan undi tertinggi mengalahkan negara lain termasuk negara maju.

Najib berkata kejayaan negara itu melambangkan satu pengiktirafan kepada pimpinan negara dibawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perubahan yang dilakukan dalam sistem pendidikan di negara ini dapat diterima oleh negara lain.

Ditanya mengenai dakwaan pihak pembangkang dalam ceramah di negeri ini sejak dua atau tiga bulan lalu yang mengatakan 90 peratus guru menyokong perjuangan mereka, beliau berkata semua itu tidak benar.

"Itu hanya dakwaan mereka tapi keadaan yang sebaliknya berlaku...sebahagian besar guru-guru di negeri ini meyokong kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

MAN FAZ